




MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



POLISI

**PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
(WHISTLEBLOWING)**

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN

NO. SIRI:

Isi Kandungan

Bil.	Perkara	M/S
1.0	Pengenalan	3
2.0	Siapa Yang Boleh Membuat Pendedahan Maklumat	5
3.0	Apa Yang Boleh Didedahkan	5
4.0	Bila Pendedahan Dbolehkan	6
5.0	Prosedur Membuat Pendedahan	6
6.0	Perlindungan	9
7.0	Pembatalan Perlindungan	11
8.0	Rujukan	11
9.0	Carta Alir	12
10.0	Format Poster	13

	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	Edisi: 0
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING) MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	No. Siri: SPAR(P)-MBJB-2

Diluluskan Oleh : Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am
Bil. 12/2026

Tarikh Kuat Kuasa : 01 Julai 2026

Pautan Rasmi :

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

- Polisi ini disediakan bertujuan untuk memudahkan pendedahan maklumat dibuat seawal mungkin dengan penuh bertanggungjawab dan mengikut prosedur dan garis panduan dalaman.
- Untuk menangani sesuatu pendedahan maklumat dengan pendekatan dan mengikut masa yang sesuai. Apabila hal-hal pendedahan sebegini ditangani, maka ianya akan diberikan keutamaan berdasarkan sifat atau keseriusan salah laku atau risiko yang dilaporkan dan magnitud akibat atau kesan daripada pendedahan ini.
- Untuk melindungi Pemberi Maklumat daripada sebarang tindakan balas akibat dari pendedahan maklumat yang dibuatnya dan bagi melindungi maklumat peribadi Pemberi Maklumat.
- Untuk berlaku adil terhadap Pemberi Maklumat dan pesalah yang dilaporkan. Pemberi Maklumat akan diberitahu berkenaan status pendedahan maklumat beliau. Pesalah tersebut juga akan diberitahu tentang tuduhan terhadapnya dan akan diberikan peluang bagi membela diri daripada tuduhan-tuduhan tersebut. Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar 'perlu tahu' sahaja.

1.2 Objektif

- Objektif utama Polisi ini adalah sebagai sebuah sistem pemberitahuan maklumat yang dapat menyumbang kepada sebuah organisasi yang lebih efektif dan efisien.

- (b) Untuk membolehkan warga MBBJ, mana-mana penjawat awam (bukan warga MBBJ) dan orang awam iaitu 'Pemberi Maklumat' untuk membuat sebarang pendedahan atau pelaporan mengenai mana-mana salah laku dari peringkat awal kepada seseorang yang telah dilantik oleh MBBJ ('Pegawai Yang Dilantik') tanpa rasa gentar terhadap sebarang tindak balas terhadapnya agar isu dapat ditangani dengan lebih efektif dan segera.
- (c) memastikan setiap individu menggunakan hak mereka (untuk membuat pendedahan maklumat) secara bertanggungjawab, dan wajar apabila mengesyaki akan sesuatu yang tidak betul akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku.

1.3 Sumber Kuasa

- (a) Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694).
- (c) Kaedah-Kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2023.
- (d) Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Kelakuan dan Tatatertib) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2023.

1.4 Definisi

Istilah dan singkatan yang digunakan dalam polisi ini adalah sebagaimana berikut:

Perkataan/ singkatan	Istilah/	Definisi
Whistleblowing Whistleblower Pemberi Maklumat	/ / 	Individu (sama ada warga kerja MBBJ, penjawat awam yang bukan warga kerja MBBJ, dan juga orang awam) yang mendedahkan perbuatan salah laku, rasuah, penipuan, atau aktiviti menyalahi undang-undang/ pelanggaran tatatertib/ tatakelakuan dalam atau di luar MBBJ yang membawa imej MBBJ, kepada Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran, demi kepentingan awam.
Pendedahan Maklumat		Aktiviti mendedahkan maklumat kepada Pegawai Yang Dilantik, segalam maklumat berkaitan sebagaimana bilangan 3.1 dalam polisi ini.
Pegawai Dilantik	Yang	Ketua Unit Integriti, Pegawai Integriti, Pegawai, atau Anggota Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran MBBJ.

1.5 Singkatan

Singkatan	Penuh
MBJB	Majlis Bandaraya Johor Bahru
UIPP	Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran
KUI	Ketua Unit Integriti
PI	Pegawai Integriti
PYD	Pegawai Yang Dilantik
JMM	Jawatankuasa Menilai Maklumat

2.0 SIAPA YANG BOLEH MEMBUAT PENDEDAHAN MAKLUMAT

Pendedahan maklumat mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan penyelewengan, salah laku, dan amalan-amalan yang tidak sah daripada segi peraturan dan undang-undang boleh dilakukan oleh warga MBJB, orang awam (termasuk pemegang taruh / rakan niaga MBJB) dan penjawat awam bukan MBJB.

3.0 APA YANG BOLEH DIDEBAHKAN

3.1 Sesuatu pendedahan maklumat ('Pendedahan') boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan mana-mana salah laku yang berikut:

- 3.1.1 Rasuah atau penipuan;
- 3.1.2 Kesalahan jenayah;
- 3.1.3 Salah guna wang atau harta MBJB;
- 3.1.4 Kesalahan tata tertib;
- 3.1.5 Kesilapan pengurusan yang melampau dalam MBJB;
- 3.1.6 Ketirisan kewangan yang serius dalam MBJB;
- 3.1.7 Satu kelakuan yang menimbulkan bahaya yang besar dan spesifik kepada kehidupan, kesihatan atau keselamatan warga MBJB atau orang awam atau keadaan persekitaran;
- 3.1.8 Kegagalan untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah mana-mana akta dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- 3.1.9 Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesemua/mana-mana kesalahan di atas.

3.2 Polisi ini tidak memasukkan isu-isu, aduan atau kekhuatiran mengenai:

- 3.2.1 Perkara-perkara yang remeh, atau tidak serius;
- 3.2.2 Perkara-perkara yang mempunyai niat jahat atau didorongi oleh agenda peribadi;

- 3.2.3 Perkara-perkara yang melibatkan persoalan terhadap merit dasar Kerajaan terutamanya dasar/polisi MBBJ;
 - 3.2.4 Perkara-perkara yang melibatkan pendedahan maklumat palsu;
 - 3.2.5 Perkara-perkara yang didedahkan dengan motif untuk mengelakkan dikenakan tindakan tatatertib;
 - 3.2.6 Perkara-perkara yang didedahkan di mana Pemberi Maklumat sendiri terlibat dengan salah laku tersebut;
 - 3.2.7 Perkara yang menunggu keputusan penghakiman melalui prosiding disiplin MBBJ, dan;
 - 3.2.8 Perkara yang menunggu keputusan penghakiman melalui mana-mana tribunal atau pihak berkuasa atau mahkamah, penimbangtaraan atau lain-lain prosiding yang serupa.
- 3.3 Kesalahan boleh berlaku di mana-mana tempat kerja iaitu semasa pelaksanaan urusan rasmi MBBJ atau yang berkaitan dengan urusan rasmi MBBJ.

4.0 BILA PENDEDAHAN DIBOLEHKAN

- 4.1 Pemberi Maklumat harus tampil dengan apa-apa maklumat sama ada secara lisan atau dokumen di mana, dengan niat baik, suci hati dan berasaskan alasan yang munasabah, beliau percaya yang sesuatu kesalahan / salah laku itu dijangkakan bakal berlaku, sedang berlaku atau telah berlaku.
- 4.2 Pendedahan boleh dibuat oleh seorang Pemberi Maklumat pada bila-bila masa selepas mendapat maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan isu.
- 4.3 Sekiranya Pemberi Maklumat pernah atau sedang terlibat dalam kesalahan / salah laku bagi pendedahan yang akan dibuat oleh beliau, Pemberi Maklumat perlu membuat pendedahan dan pengakuan dengan sukarela tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Pemberi Maklumat juga akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya untuk dilindungi di bawah Polisi ini dan dikecualikan daripada peruntukan di bilangan 3.2.6.

5.0 PROSEDUR MEMBUAT PENDEDAHAN

- 5.1 Pada amnya, semua Pendedahan Maklumat yang mengikut Polisi ini harus dibuat kepada Pegawai Yang Dilantik (rujuk Carta Alir) kecuali dalam keadaan sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 5.4.3. Pegawai Yang Dilantik ialah Ketua Unit Integriti / Pegawai Integriti / Pegawai / Anggota Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran (UIPP).
- 5.2 Pendedahan Awal:
 - 5.2.1 Satu Pendedahan Maklumat boleh dilakukan secara:
 - (a) e-mel: unitintegriti@mbjb.gov.my;
 - (b) telefon: 07 219 8112;

- (c) bersemuka;
- (d) sistem aduan integriti: <https://mbjb.spab.gov.my> (SISPAA MBBJ)
atau: https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScvKekar35X1Dxcl_WCquBsclsbic60M59GBTqDTzhxpbyDA/viewform
(borang aduan dalam talian / *Google Form*)
- (e) surat: Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran
Majlis Bandaraya Johor Bahru
Aras 9, Menara MBBJ

5.2.2 Bagi aduan yang dibuat secara bersemuka, Pegawai Yang Dilantik akan mencatat Pendedahan Maklumat yang dibuat secara lisan tersebut dan Pemberi Maklumat akan mengesahkannya. Hal ini bagi melihat sejauh mana yang boleh dipraktikkan secara munasabah, Pendedahan maklumat tersebut juga akan dilakukan di mana-mana tempat yang difikirkan bersesuaian dan selamat oleh Pegawai Yang Dilantik.

5.2.3 Bagi Pendedahan yang dibuat secara e-mel, sistem aduan integriti dan surat, pengendalian dan akses yang membawa kepada maklumat tersebut hendaklah dikendalikan oleh Pegawai Yang Dilantik.

5.2.4 Satu Pendedahan harus mengandungi sekurang-kurangnya butiran Pemberi Maklumat seperti yang berikut:

- (a) Warga MBBJ:
Nama, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi;
- (b) Bukan Warga MBBJ:
Nama, nama majikan/tempat bekerja, jawatan, alamat semasa dan nombor untuk dihubungi.

5.2.5 Alasan yang munasabah untuk laporan tersebut termasuk butiran maklumat kesalahan, misalnya jenis kesalahan, tarikh, masa dan tempat berlaku kejadian tersebut dan identity pesalah.

5.2.6 Maklumat-maklumat saksi (jika ada) dan;

5.2.7 Maklumat atau dengan menunjukkan bukti dokumen (jika ada).

5.3 Pemberi Maklumat akan diminta untuk tampil dengan rela hati secara bersemuka atau dihubungi (mengikut keadaan yang bersesuaian) untuk mendapatkan keterangan lanjut bagi menjalankan siasatan ke atas kesalahan yang telah diadukan.

5.4 Penapisan dan Penilaian Awal Pendedahan Maklumat

5.4.1 Pegawai Yang Dilantik akan menapis dan menilai sesuatu maklumat itu untuk memastikan sama ada maklumat / pendedahan yang diterima adalah lengkap dan berasas sebagaimana di perenggan 5.2.3, 5.2.4, 5.2.5, 5.2.6 dan 5.2.7 serta berkaitan dengan kesalahan / salah laku dalam skop Polisi ini sebagaimana yang diperuntukkan di perenggan 3.1 dan 3.2.

- 5.4.2 Selanjutnya, Pegawai Yang Dilantik akan menyediakan laporan awal untuk penilaian Jawatankuasa Menilai Maklumat (JMM) selewat-lewatnya satu (1) bulan dari tarikh Pegawai yang Dilantik menerima maklumat / pendedahan itu.
- 5.4.3 Satu Pendedahan boleh dibuat secara terus kepada Datuk Bandar dalam mana-mana di antara dua situasi berikut:
- (a) Bila mana pendedahan itu adalah melibatkan kesalahan / salah laku oleh Pegawai Yang Dilantik; atau
 - (b) Bila mana pendedahan itu tidak melibatkan Pegawai Yang Dilantik tetapi Pemberi Maklumat percaya bahawa Pegawai Yang Dilantik ada kepentingan peribadi dengan mana-mana orang yang terlibat dengan kesalahan / salah laku dalam pendedahan tersebut.
 - (c) Dalam mana-mana dua (2) situasi di atas, Datuk Bandar boleh mengecualikan Pegawai Yang Dilantik daripada mengendalikan Pendedahan tersebut dan melantik mana-mana pegawai yang difikirkan bersesuaian dan layak sebagai Pegawai Yang Dilantik Khas bagi mengendalikan pendedahan tersebut di samping memberikan perlindungan kepada Pemberi Maklumat di bawah Polisi ini.

5.5 Rujukan kepada JMM (Jawatankuasa Menilai Maklumat)

- 5.5.1 Berikutan perenggan 5.4.2 di atas, pendedahan yang disertakan dengan laporan awal akan dirujuk oleh Pegawai Yang Dilantik kepada JMM. JMM terdiri daripada Ketua Unit Integriti, Pegawai Integriti dan mana-mana pegawai yang mengetuai enam (6) Fungsi Teras dalam UIPP. JMM mempunyai kuasa untuk membuat keputusan muktamad akan tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara berikut:
- (a) Pendedahan ditolak kerana dianggap tidak berasas, maklumat palsu atau maklumat tidak mencukupi;
 - (b) Pendedahan dipertimbangkan untuk diambil tindakan di bawah mana-mana prosedur dalaman lain yang difikirkan bersesuaian;
 - (c) Penyelesaian / keputusan berdasarkan laporan awal oleh Pegawai Yang Dilantik di perenggan 5.4.2 di atas tanpa perlu untuk melakukan satu penyiasatan lanjut;
 - (d) Mengarahkan suatu penyiasatan lanjut ke atas pendedahan tersebut;
 - (e) Memutuskan tindakan pemulihan atau pencegahan secara pentadbiran yang akan diambil ke atas warga MBBJ tersebut, di mana hukuman yang akan dikenakan termasuk tindakan disiplin, amaran atau teguran formal, penurunan pangkat, pertukaran penempatan penggantungan atau diberhentikan perkhidmatannya dari MBBJ atau jenis hukuman yang lain termasuk dalam bentuk kewangan dan juga lain-lain hukuman yang diputuskan oleh Lembaga Tatatertib;
 - (f) Rujukan kepada polis atau mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan dengan MBBJ.

Bagi pertimbangan di bawah perenggan ini:

- (i) Sekiranya JMM berpuas hati dan memutuskan pendedahan / maklumat yang diterima adalah terjumlah kepada suatu kesalahan jenayah, maka JMM hendaklah merujuk pendedahan maklumat yang berkaitan contohnya pihak PDRM / SPRM / dan lain-lain, atau;
- (ii) Sekiranya JMM berpuas hati pendedahan / maklumat yang diterima pengadu adalah dilindungi sepenuhnya di bawah Polisi ini dan turut dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- (iii) Lain-lain tindakan yang difikirkan wajar dan bersesuaian oleh JMM. Sebagai contoh, keputusan berhubung pendedahan / maklumat melibatkan pengurusan tertinggi MBBJ.

5.5.2 Sekiranya pendedahan melibatkan mana-mana ahli JMM yang dilantik, sebelum pendedahan tersebut dirujuk kepada JMM sebagaimana di perenggan 5.4.2 di atas, Ketua Unit Integriti boleh mengesyorkan kepada Datuk Bandar untuk melantik ahli JMM yang baharu (bagi menggantikan ahli JMM yang dikatakan terlibat dengan pendedahan tersebut) atau lain-lain kaedah yang difikirkan bersesuaian.

5.6 Proses Siasatan dan Keputusan Pendedahan oleh Pemberi Maklumat

5.6.1 Pemberi Maklumat dan orang yang terlibat dalam pendedahan tersebut hendaklah diminta untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam mana-mana peringkat penyiasatan dan lain-lain proses yang dilaksanakan mengikut Polisi ini untuk menyempurnakan proses pencarian fakta bagi membantu JMM dalam proses untuk membuat keputusan.

5.6.2 Pemberi Maklumat juga boleh dimaklumkan akan tindakan yang telah diambil dan status pendedahan yang telah dibuat.

6.0 PERLINDUNGAN

6.1 Warga MBBJ

6.1.1 Setelah membuat pendedahan, berlandaskan sebab-sebab munasabah dan mengikut Polisi ini:

- (a) Pemberi Maklumat akan dilindungi dari tindak balas dalaman MBBJ sebagai akibat langsung kerana pendedahan yang dibuatnya; dan
- (b) Identiti dan maklumat Pemberi Maklumat sebagaimana di perenggan 5.2.4(a)(b) di atas akan dilindungi dan diklasifikasikan sebagai 'Rahsia / Sulit'.

- (c) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam proses penyiasatan atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar 'perlu tahu' sahaja.
- (d) Satu tindakan balas dalaman bermaksud langkah-langkah disiplin, penurunan jawatan, pertukaran penempatan, penilaian prestasi tahunan, penggantungan atau penamatan perkhidmatan (tetap / kontrak / sementara / sambilan) dari MBBJ atau ancaman untuk melakukan mana-mana tindakan-tindakan ini.
- (e) Jika seseorang warga MBBJ telah menghadapi gangguan, dijadikan mangsa atau dikenakan tindakan balas dalaman disebabkan kesan langsung kerana telah membuat pendedahan di bawah Polisi ini, Pemberi Maklumat boleh melaporkan perkara tersebut kepada Ketua Unit Integriti atau Pegawai Yang Dilantik, dan hendaklah memaklumkan perkara tersebut kepada JMM sebagaimana proses di perenggan 5.4.2 dan perenggan 5.5 di atas bagi membolehkan JMM untuk membuat pertimbangan dan memutuskan apa-apa remedi yang wajar dan bersesuaian terhadap Pemberi Maklumat.

6.2 Orang awam (termasuk pemegang taruh / rakan niaga MBBJ)

6.2.1 Setelah pendedahan maklumat dilakukan oleh Pemberi Maklumat, maka hendaklah beliau tertakluk di bawah Polisi ini sepertimana:

- (a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai 'Rahsia / Sulit'.
- (b) Identiti dan maklumat peribadi pihak Pemberi Maklumat dan pesalah tersebut hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses mengikut keperluan pada dasar 'perlu tahu' sahaja.

6.3 Mana-mana penjawat awam (bukan warga MBBJ)

6.3.1 Setelah pendedahan maklumat dilakukan oleh Pemberi Maklumat, maka hendaklah beliau tertakluk di bawah Polisi ini sepertimana:

- (a) Identiti Pemberi Maklumat akan dilindungi dan segala maklumat akan diklasifikasikan sebagai 'Rahsia / Sulit'.
- (b) Identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat dan pesalah hanya akan didedahkan kepada mereka yang terlibat di dalam penyiasatan atau mana-mana proses atas dasar 'perlu tahu' sahaja.


7.0 PEMBATALAN PERLINDUNGAN

Mana-mana orang sebagaimana di bilangan 6.0 di atas yang telah membuat Pendedahan Maklumat sebagaimana di bilangan 3.2 di atas akan dengan secara automatiknya hilang perlindungan-perlindungan di atas (setakat yang bersesuaian).

8.0 RUJUKAN

- 8.1 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).
- 8.2 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 8.2 Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (Kelakuan dan Tatatertib) (Majlis Bandaraya Johor Bahru) 2023.

CARTA ALIR PROSEDUR MEMBUAT PENDEDAHAN MAKLUMAT



**FORMAT POSTER BERKAITAN
POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT**

Nota: Poster sekurang-kurangnya bersaiz A3



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

**POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT
JANGAN TAKUT!
LAPORKAN
IDENTITI ANDA DILINDUNGI!**



MBJB

M E S R A B E R K H I D M A T J U J U R B E R B A K T I



info@mbjb.gov.my

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru